



SYARAT-SYARAT LESEN PENJAJA

1. Lesen ini hendaklah sentiasa dipamerkan ditempat yang selamat dan mudah dilihat semasa menjalankan perniagaan dan pelesen yang gagal berbuat demikian boleh dikenakan tindakan kompaun;
2. Keluasan satu (1) petak ialah = 4.5 meter x 5.5 meter. Pelesen dilarang menggunakan petak melebihi had yang telah dibenarkan/diluluskan.
3. Majlis boleh merobohkan tambahan dibina secara haram pada bila-bila masa atau tanpa notis.
4. Pelesen tidak dibenarkan menjalankan perniagaan dalam lingkungan 9 meter daripada persimpangan jalan; Pelesen tidak dibenarkan menjalankan perniagaan dalam lingkungan 3.6 meter daripada pili bomba; Pelesen tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di atas tangga, kaki lima atau laluan jalan kaki awam tanpa kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa MDSB;
5. Pelesen **DILARANG menggunakan khidmat / menggaji / mengambil pekerja warga asing.**
6. Penjaja makanan MESTILAH menjalani pemeriksaan doktor dan mendapat **suntikan pelalian (TYPHIMVI)** dan mempamer sijil suntikan apabila oleh pegawai diberi kuasa.
7. Pengendalimakanan diwajibkan untuk menghadiri **Kursus Pengendali Makanan.**
8. Pengendali makanan diwajibkan memakai apron, tudung kepala dan kasut ketika menjalankan perniagaan.
9. Pelesen hendaklah sentiasa menjaga kebersihan tapak perniagaan. Semua sisa buangan / sampah-sarap hendaklah dimasukkan ke dalam beg / karung plastik serta diikat kemas bagi memudahkan proses pengutipan/pembuangan.
10. Penggunaan **bekas makanan dan minuman** dari bahan **polistirena, plastik dan sejenis dengannya** adalah **TIDAK DIBENARKAN.**
11. Pelesen tidak dibenarkan melonggok, menumpah dan membuang cecair kotor ke dalam longkang atau sebarang tempat awam.
12. Penjaja yang **menggoreng atau membakar** hendaklah menyediakan **lapik yang bersesuaian supaya minyak dan kesan bakar tidak mengotori lantai.**
13. Pelesen digalakkan untuk mendaftar dan mencarum di bawah **Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO** sebagai langkah perlindungan keselamatan sosial ketika menjalankan aktiviti perniagaan.”
14. Pemegang lesen ini HENDAKLAH faham akan persyaratannya ini dan jika berlaku pelanggaran syarat atau perintah dalam syarat lesen ini, lesen boleh **DIBATALKAN** atau dikenakan tindakan dibawah **UUK 53(1) Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Sabak Bernam)** iaitu **kompaun tidak melebihi RM1,000.00** ATAU di bawah Seksyen 109 Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu **denda tidak melebihi RM500.00** atau dipenjarakan tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya